



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1606

**AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN)
(NO. 2) 2019**

Tarikh Perkenan Diraja 15 November 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 29 November 2019

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1606

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2019

Suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No. 2) 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memotong takrif “Pegawai Syarie”.

Pemotongan seksyen 59

3. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 59.

Kecualian dan peralihan

4. (1) Apa-apa permohonan oleh mana-mana orang bagi penerimaan sebagai Peguam Syarie, atau bantahan mengenai permohonan itu atau penerimaan sebagai Peguam Syarie, atau rayuan terhadap keputusan yang berhubungan dengan permohonan bagi penerimaan itu, atau prosiding tatatertib yang berhubungan dengan Peguam Syarie, yang belum selesai sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda.

(2) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, apa-apa Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah Akta ibu sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini dan masih sah, dan apa-apa Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan bagi maksud subseksyen (1), adalah tertakluk kepada Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*].